

Mesej Lima

Tanah yang Mempunyai Pohon Anggur

Bacaan Bible: Flp. 2:17; Kej. 35:14; 2 Tim. 4:6

- I. Pohon anggur mentamsilkan Kristus yang berkorban, Kristus yang mengorbankan segala-gala kepunyaan diri-Nya, dan daripada pengorbanan-Nya, Dia menghasilkan wain baru untuk menggirangkan Tuhan dan manusia—Ul. 8:8; Hak. 9:13; Mzm. 104:15a:**
 - A. Kristus ialah penghasil wain, mengorbankan diri-Nya untuk menghasilkan wain demi menggirangkan Tuhan dan manusia.
 - B. Sebagai pohon anggur, Kristus menghasilkan kegembiraan untuk Tuhan dan kegembiraan untuk orang lain.
- II. Jika kita menghubungi Kristus yang ditamsilkan oleh pohon anggur dan mengalami hayat-Nya yang berkorban, Dia akan memberi kita tenaga untuk menjalani kehidupan yang berkorban, menghasilkan wain untuk menggirangkan orang lain dan Tuhan—Roma 12:1; Ef. 5:2; 2 Kor. 1:24:**
 - A. Di bawah ketentuan Tuan, kita mungkin diletakkan ke dalam situasi yang memerlukan kita mengorbankan diri kita untuk menggembirakan orang lain—Roma 12:1; Ef. 5:2:
 1. Jika dalam situasi sedemikian kita menghubungi Tuan, kita akan mengalami Dia sebagai pohon anggur yang menghasilkan wain, sebagai Dia yang menggirangkan Tuhan dan orang lain—Flp. 3:1a.
 2. Hasil daripada mengalami Kristus sebagai pohon anggur ialah dalam-Nya, melalui-Nya, bersama dengan-Nya, dan menerusi-Nya, kita menjadi pohon anggur yang menghasilkan sesuatu untuk menggirangkan Tuhan dan manusia.
 - B. Jika kita mengalami Kristus dalam aspek ini berkenaan kealmuhitan-Nya, kita akan mempunyai banyak wain untuk diminum, dan kita akan menjadi “mabuk” dan “gila” dengan Kristus, dipenuhi keriang dalam Tuan—Yoh. 15:11; Kis. 5:41; 13:52; Flp. 3:1a; 4:4.
 - C. Dalam diri kita, kita tidak dapat menjalani kehidupan yang berkorban, kerana hayat kita ialah hayat alamiah, hayat yang mementingkan diri—Ayub 2:4; Mat. 16:25:
 1. Hanya hayat Kristus ialah hayat yang berkorban.
 2. Kristus sebagai Anak Domba yang berkorban tinggal dalam kita, memberi kita tenaga untuk mengorbankan diri demi orang lain, agar membawa kegirangan kepada mereka dan menggembirakan mereka—2 Kor. 4:12; Ef. 5:2.
 3. Jika kita menghubungi Tuan dan mengalami hayat-Nya yang berkorban, Dia akan memberi kita tenaga dan memperkuat kita untuk berkorban demi Tuhan dan orang lain—Yoh. 1:29; 20:22; 1 Kor. 15:45b; 6:17; Flp. 4:13; Roma 12:1; Ef. 5:2:
 - a. Semakin kita mengalami Kristus sebagai pohon anggur dengan hayat-Nya yang berkorban, semakin kita akan diberi tenaga untuk mengorbankan diri kita agar menggembirakan Tuhan dan orang lain.
 - b. Kita akan “mabuk” dengan kegembiraan, menyedari bahawa orang yang paling gembira ialah orang yang paling tidak mementingkan diri.
 - c. Kita akan membawa kegembiraan kepada orang yang menghubungi kita, dan kita akan membawa kegirangan kepada Tuhan—2 Kor. 1:24; 5:13a.
- III. Dengan mengalami Kristus sebagai pohon anggur yang menghasilkan wain dan dengan dipenuhi-Nya sebagai wain baru, kita dapat menjadi korban**

Mesej Lima (sambungan)

curahan dalam-Nya dan bersama dengan-Nya—Kej. 35:14; Kel. 29:40-41; Flp. 2:17; 2 Tim. 4:6:

- A. Korban curahan mentamsilkan Kristus merupakan Dia yang dicurahkan sebagai wain benar di hadapan Tuhan demi kepuasan-Nya—Kel. 29:40-41:
 - 1. Korban curahan merupakan tambahan kepada korban-korban asas, dan korban curahan dicurahkan pada salah satu korban asas tersebut—Bil. 15:1-10; 28:7-10.
 - 2. Wain korban curahan dicurahkan demi kepuasan Tuhan; korban curahan dicurahkan untuk diminum Tuhan—Kel. 29:40-41:
 - a. Kristus mencurahkan apanya Dia kepada Tuhan—Yes. 53:12.
 - b. Kristus ialah wain rohani yang syurgawi, yang dicurahkan kepada Tuhan demi kegirangan-Nya; Dia mencurahkan diri-Nya sebagai wain untuk mengembirakan Tuhan.
- B. Korban curahan bukan sekadar mentamsilkan Kristus sendiri tetapi juga Kristus yang menepui kita dengan diri-Nya sebagai wain syurgawi sehingga Dia dan kita menjadi satu untuk dicurahkan demi kenikmatan dan kepuasan Tuhan serta demi pembinaan Tuhan—Mat. 9:17; Flp. 2:17; 2 Tim. 4:6:
 - 1. Korban curahan ialah tamsil Kristus sebagai wain syurgawi yang dinikmati oleh orang yang mempersembahkan korban, memenuhinya dan menyebabkan dia menjadi wain kepada Tuhan—Flp. 2:17:
 - a. Dengan mengalami Kristus sebagai korban-korban, kita menjadi orang yang dipenuhi dan ditepui Kristus—Ef. 3:17; Gal. 4:19.
 - b. Kristus yang kita nikmati secara subjektif sebagai korban-korban menjadi wain dalam kita, menyebabkan kita amat gembira dan riang—Mat. 9:17; 2 Kor. 5:13a.
 - c. Akhirnya, kita ditepui Kristus sebagai wain syurgawi dan bersatu dengan wain, bahkan menjadi wain; dengan cara ini kita layak menjadi korban curahan—Mat. 9:17; 2 Kor. 5:13a; Ef. 5:2; Flp. 2:17.
 - 2. Yakub mencurahkan korban curahan ke atas tiang di Betel, menunjukkan bahawa korban curahan adalah untuk pembinaan Tuhan—Kej. 35:14:
 - a. Wain yang dicurahkan di Betel bukanlah wain yang didapatkan secara langsung dari pemerah wain; wain ini didapatkan secara tidak langsung daripada orang yang menikmati Kristus sebagai wain dan orang yang ditepui Kristus sebagai wain.
 - b. Di Betel, dalam rumah Tuhan, yakni gereja sebagai Tubuh Kristus, akhirnya kita perlu dicurahkan sebagai korban curahan—2 Kor. 12:15a.

IV. Dutus Paulus menjadi korban curahan yang dicurahkan ke atas korban dan pelayanan iktikad para pekudus—Flp. 2:17; 2 Tim. 4:6:

- A. Wain korban curahan dalam Filipi 2:17 dan 2 Timotius 4:6 merupakan Kristus (wain) dalam Matius 9:17 yang telah menepui Paulus dan menjadikannya wain.
- B. Paulus menjadi korban curahan demi gereja; ini menunjukkan bahawa korban curahan bukan sahaja untuk menyembah Tuhan tetapi terutamanya untuk pembinaan Tuhan.
- C. Berdasarkan prinsip bahawa korban curahan memerlukan korban asas, Paulus menganggap korban dan pelayanan iktikad percayawan sebagai korban asas yang ke atasnya dia dapat mencurahkan dirinya sebagai korban curahan—Flp. 2:17:
 - 1. Iktikad di sini merangkumi segala yang dialami dan dinikmati percayawan tentang Kristus; akhirnya, iktikad merangkumi apanya percayawan itu.

GARIS KASAR LATIHAN

Mesej Lima (sambungan)

2. Korban asas yang ke atasnya Paulus dapat mencurahkan dirinya sebagai korban curahan ialah iktikad para percayawan di Filipi:
 - a. Korban merupakan iktikad percayawan, bukannya percayawan sendiri.
 - b. Iktikad, sabda, dan Roh itu adalah satu—Roma 10:17; 8:9.
3. Iktikad dalam Filipi 2:17 ialah keseluruhan pengalaman, kenikmatan, dan perolehan kita terhadap Kristus:
 - a. Pengalaman, kenikmatan, dan perolehan kita terhadap Kristus kita menjadi korban manis yang dipersembahkan kepada Tuhan.
 - b. Menerusi kenikmatan terhadap Kristus, kita mengalami Kristus, beroleh Kristus, dan memiliki Kristus, dan diri kita dikonstitusikan dengan Kristus; dengan cara ini, iktikad kita menjadi korban, yang dapat dipersembahkan kepada Tuhan dan yang ke atasnya korban curahan dapat dicurahkan.